



IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI MALAYSIA
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)
Email: pro@dvs.gov.my



KENYATAAN MEDIA

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

MENJAWAB ISU JPV SENYAP DI ARTIKEL MINGGUAN MALAYSIA BERTARIKH 1 MEI 2016

1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah membuat maklumbalas persoalan yang dibangkitkan oleh Awang Selamat pada 15 November 2015 yang lalu. Jawapan tersebut telah keluar di Akhbar Utusan Malaysia bertarikh 16 November 2015. Oleh kerana pihak Awang Selamat bukanlah mementingkan jawapan dan penjelasan, beliau gagal membaca ulasan JPV yang terdahulu.
2. Untuk makluman, JPV mempraktikkan dasar terbuka, iaitu sesiapa sahaja boleh memohon membawa masuk ternakan hidup dan juga daging (daging kerbau sejuk beku, daging lembu dan kambing serta keratan ayam). Proses permohonan dan kelulusan dinyatakan seperti di **Jadual 1**.

3. Bagi ternakan hidup, negara-negara yang dibenarkan hendaklah dari negara yang mempunyai status Sanitasi dan Phitosanitari yang baik dan negara tersebut telah melepasi analisis risiko yang dijalankan oleh JPV. Protokol import ternakan hidup seperti dinyatakan dalam **Jadual 2**. Untuk pembekalan ternakan hidup bagi tahun 2016, pengimport-pengimport yang telah diluluskan dinyatakan seperti di dalam **Jadual 3**. Walaupun kelulusan telah dikeluarkan, permohonan baru masih boleh dikemukakan.
4. Bagi hasilan daging, ianya hendaklah datang dari establishment yang telah diluluskan dan telah memenuhi piawaian GMP dan HACCP Malaysia serta piawaian Halal JAKIM. Senarai pengimport-pengimport yang telah diberikan kelulusan mengimport daging kerbau beku India adalah seperti di **Jadual 4**. Manakala, bagi pengimportan daging lembu dan kambing dinyatakan dalam **Jadual 5**. Untuk keratan ayam pula, senarai pengimport dinyatakan di dalam **Jadual 6**.
5. Adalah menjadi tanggungjawab JPV untuk memastikan semua ternakan hidup dan daging yang akan dibawa masuk ke Malaysia adalah bebas risiko membawa penyakit yang boleh memudaratkan sektor ternakan negara dan kesihatan awam dan penyakit zoonotik.

6. Bagi daging pula, JPV berkerjasama dengan JAKIM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memastikan daging yang dibawa masuk selamat, halal menepati piawaian halal JAKIM, dan tidak mendatangkan risiko penyakit kepada sektor ternakan Negara dan juga kepada penduduk.
7. Pihak JPV sentiasa sedia berbincang dengan mana-mana pihak termasuk pakar yang dirujuk oleh Awang Selamat. Akhirnya, pihak JPV suka membuat penjelasan bahawa JPV bersungguh-sungguh memastikan bahawa ternakan hidup yang dibawa masuk ke negara ini tidak mengancam kesihatan ternakan dan penduduk di negara ini. Secara kolaboratif bersama JAKIM dan KKM, JPV juga bertekad untuk memastikan semua daging yang dibawa masuk ke negara ini tidak akan memberi ancaman penyakit kepada penduduk, sektor ternakan dan juga daging dibawa masuk adalah halal.
8. Semua maklumat berkenaan dengan Jabatan, boleh dirujuk di website www.dvs.gov.my

DATO' DR KAMARUDIN BIN MD ISA
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR, MALAYSIA
3 MEI 2016